MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI ISNIN, 14 MAC 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-000-L42407
Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapakah masih lagi terdapat ramai anak-anak sekolah yang meminta derma dan sumbangan di kawasan rehat dan rawat sepanjang lebuh raya di negara kita tidak mengira masa.

2. PR-000-L42627
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

   (a) apakah takrifan oleh Jabatan Perdana Menteri, terhadap Wanita Pertama Malaysia sama ada Isteri Perdana Menteri atau Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong; dan

   (b) jika isteri Perdana Menteri ialah Wanita Pertama Malaysia, berapa peruntukan kewangan untuk membiayai kegiatan beliau untuk 2011.

3. PR-000-L41151
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes rogol di bawah umur yang telah berlaku sejak tahun 2000 dan apa tindakan yang telah diambil.

4. PR-000-L41366
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab teksi-teksi Kuala Lumpur tidak boleh memasuki kawasan Suria KLCC jika tidak membayar yuran masuk dan mengapakah LPKP memberi hak eksklusif kepada syarikat terbabit mengutip yuran masuk dan menggunakan kekerasan untuk mengusir teksi yang membawa penumpang-penumpang.

5. PR-000-L42198
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) jumlah Lesen Pinjaman Wang dan Lesen Pemegang Pajak Gadai yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian bagi tahun 2009 dan 2010; dan

(b) adakah Kerajaan berhasrat untuk mengeluarkan lagi lesen-lesen ini pada masa yang akan datang.

6. PR-000-L41570
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramaikah pelajar-pelajar kita yang kini menuntut di luar negara yang mendaftarkan diri mereka dengan *"Malaysian Student Department"* mengikut negara-negara seperti Britain, Singapura, China, Amerika, Perancis dan Jerman.

7. PR-000-L42014
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan dengan perkembangan penyelidikan dan pembangunan R&D di Malaysia oleh badan-badan Kerajan dan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta, apakah usaha yang dilakukan untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan ini untuk manfaat masyarakat. Apakah adanya usaha mendesimasikan hasil penyelidikan untuk meningkatkan mutu serta jumlah pengeluaran produk terutamanya di sektor swasta.

8. PR-000-L41837
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah langkah untuk menangani isu kehilangan hasil negara dan imej Negara mengenai laporan GFI berkenaan jumlah RM889 billion wang Negara yang lesap.

9. PR-000-L41541
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memajukan:-

(a) pelancongan kembara yang melibatkan aktiviti seperti menjelajah gua-gua di Parlimen Silam seperti Gua Madai, Gua Madok dan Gua Hambuk; dan

(b) pelancongan budaya dengan menaik taraf tempat bersejarah seperti di Lembah Tinkayu yang merupakan tempat bertapaknya Tamadun Islam di Asia Tenggara bagi menukar struktur ekonomi Parlimen Silam dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga tempatan.

10. PR-000-L43002
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapa filem yang ditayangkan melalui TV Malaysia banyak berunsur tahyul, khurafat serta ganas yang memberi kesan negatif kepada penonton remaja khususnya. Sejauh manakah penguatkuasaan dibuat oleh pihak Kementerian.

11. PR-000-L42742
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah mampu milik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan mengikut pecahan negeri dalam tempoh tiga tahun lalu dan sehingga kini dan apakah status keperluan rumah untuk rakyat sehingga kini.

12. PR-000-L43088
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan Sekolah Tamil Paya Besar Lunas akan dimulakan.

13. PR-000-L43080
Datuk Haji Abdul Wahab Bin Haji Dolah [Igan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan meluluskan peruntukan bagi pembinaan Jambatan Kuala Igan. Jambatan ini nanti pasti akan memberi impak yang besar kepada penduduk setempat.

14. PR-000-L42917
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan saman PDRM dan JPJ yang dikutip dari pesalah jalan raya bagi tempoh 2008 hingga 2010 dan apakah hasil tersebut terkandung dalam bajet yang dibentangkan Perdana Menteri setiap tahun.

15. PR-000-L41694
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan peruntukan projek bekalan air bersih seluruh Sabah dan status projek bekalan air ke Mukin Sindumin-Melalia-Weston di Parlimen P.178 Sipitang.

16. PR-000-L42448
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit barah di daerah Manjung dan adakah ia lebih tinggi jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain. Apakah sebab-sebab tertentu yang menyebabkan kes barah sering berlaku di daerah Manjung.

17. PR-000-L41168
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kakitangan yang berkhidmat di seluruh pusat kesihatan dalam bandar mahupun luar bandar di negeri Sabah sudah mencukupi khususnya bagi klinik-klinik luar bandar.

18. PR-000-L42371
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk mengubahsuai Sarawak International Medical Centre kepada Hospital Pakar Jantung Hospital Umum Kuching. Apakah kos keseluruhan hospital tersebut yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

19. PR-000-L42039
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci apakah tindakan yang telah diambil untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha perkilangan, perladangan, restoran, dan industri-industri lain, memperkenalkan kaedah *"mechanization"* dalam industri masing-masing, bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing.

20. PR-000-L42645
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai kos yang telah diperuntukkan kepada program akreditasi dan ISO hospital seluruh negara, apakah justifikasi kerajaan membelanjakan wang sebanyak itu sedangkan perkhidmatan di hospital dikekang oleh perbelanjaan berhemah, serta apakah manfaat terus yang akan dinikmati oleh pesakit.

21. PR-000-L41204
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di dalam mempertimbangkan keberkesanan khidmat mereka kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutama pembangunan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan tertentu dalam usaha membanteras dan menangani jenayah daripada terus menular.

22. PR-000-L42104
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan strategi Kementerian untuk mengatasi halangan-halangan dalam implementasikan gaji minima sebanyak RM700 untuk pekerja-pekerja keselamatan (security guards).

23. PR-000-L41732
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi masa depan dalam memastikan keselamatan pelajar dan rakyat Malaysia di luar negara apabila sesebuah negara itu mengalami krisis seperti yang berlaku di Mesir.

24. PR-000-L42654
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan tersendiri untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di pusat bandar Muar mengikut peruntukan Bajet 2011:-

(a) adakah kementerian merancang untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan pelan pemindahan terminal bas Bentayan ke lokasi baru seperti mana Pelan Perancangan Tempatan 2005 untuk melegakan kesesakan lalu lintas di pusat bandar Muar; dan

(b) senaraikan kos yang terlibat dalam perancangan pemindahan terminal bas tersebut ke lokasi baru.

25. PR-000- L43101
Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-

(a) sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan untuk menaik taraf Plank Walk di Muara Payang, Selidap, Mupong dan Berangan; dan

(b) membina baru rumah-rumah panjang di Muara Payang, Stalun, Sebayang, Tusok, Semalau, Teluk Gelam, RH Juing Bruit, Sare, Kerubung, Kerapa dan Bakerkong yang terletak di kawasan Tanjong Manis yang amat uzur.

26. PR-000-L41235
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan mengatasi kehilangan (mengikut anggaran Perunding Morgan Stanley) USD100 bilion kerana rasuah sejak tahun 1980.

27. PR-000-L42252
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah rungutan orang ramai berkaitan kelembapan pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menguruskan bantuan kepada rakyat yang layak.

28. PR-000-L41298
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan program Amal Jariah yang dijalankan oleh Prokhas Sdn Bhd (PROKAS), sejauh mana program ini telah berjalan dan status kedudukan terkini program ini setelah peruntukan tidak diberikan selepas 2009.

29. PR-000-L41915
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan ada perancangan untuk membantu mempercepatkan proses pemulihan para peminjam yang disenaraihitamkan oleh institusi kewangan tempatan dan sama ada sistem yang wujud di Amerika Syarikat sesuai dan dapat diterapkan di Malaysia sebagai salah satu cara untuk membantu mereka yang menghadapi masalah pinjaman institusi kewangan untuk pulih.

30. PR-000-L42566
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar pencapaian sasaran Rancangan Transformasi Kerajaan (GTP) untuk "melengkapkan pendakwaan kes-kes rasuah, khasnya yang berkaitan dengan kepentingan awam, dalam tempoh satu tahun" dan apakah tindakan pembetulan yang akan diambil untuk memperbetulkan kegagalan pencapaian sasaran ini.

31. PR-000-L42118
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Institut Integriti Malaysia (IIM) melaksanakan kempen-kempen pendidikan membenteras rasuah di kalangan parti politik terutama dalam sektor politik di negara ini.

32. PR-000-L41460
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah serius dan pro-aktif FELDA terhadap isu-isu yang dihadapi oleh peneroka seperti isu wang tanam semula, penggredan buah kelapa sawit dan tanah untuk generasi kedua FELDA.

33. PR-000-L42644
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelaksanaan awal yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam usaha memastikan pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, efisyen, responsif, terancang serta kompetitif.

34. PR-000-L42091
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada hasil kajian itu diambilkira dalam rancangan *Mass Rapid Transit (MRT)* yang dikatakan akan dibina supaya sistem MRT tidak menempah kegagalan seperti sistem LRT sebelumnya.

35. PR-000-L41387
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan Kerajaan melalui KKLW telah melancarkan Program Bina Rumah (PBR) dan Baik Pulih Rumah (BPR) pada tahun 2009 hingga sekarang. Projek tersebut dianggap satu-satunya projek memberi peluang kepada rakyat tidak berkemampuan memiliki kediaman sendiri yang lebih selesa. Bila program tersebut akan diteruskan, berapakah jumlah penerima serta perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan sejak dilancarkan dan sehingga kini.

36. PR-000-L42685
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan bahawa memandangkan banyak agensi -agensi pelancongan yang ditutup (collapsed), sama ada Kementerian bercadang untuk mengeluarkan peraturan-peraturan untuk memaksa MATTA menyediakan tabung pampasan untuk dibayar semula kepada orang ramai yang telah membuat bayaran pendahuluan untuk tiket-tiket penerbangan dan pakej pelancongan di Matta Travel Fair. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

37. PR-000-L42925
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membina serta melaksanakan projek seperti berikut di Bahagian Bintulu, sebuah Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Depoh Tahanan Jabatan Imigresen dan Kompleks/Pusat Pasukan Gerak Am (PGA) Bahagian Bintulu; dan

(b) berapakah peruntukan kewangan untuk membina setiap kompleks-kompleks ini.

38. PR-000-L41711
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan dan kadar pengangguran belia di setiap negeri mengikut kategori jantina sepanjang 5 tahun. Apakah tindakan Kerajaan dalam menangani pengangguran di kalangan belia.

39. PR-000-L42989
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dapatkah Kerajaan melaksanakan naiktaraf Jalan Ipal-Pendam untuk faedah rakyat di sepanjang sungai bersempadan dengan negara jiran.

40. PR-000-L41934
Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan kerajaan terhadap penebatan banjir di Sibu dari 2009 hingga Februari 2011. Senaraikan peruntukan setiap fasa projek mitigasi banjir beberapa tahun ini. Adakah benar bahawa peruntukan RM500 juta bagi Fasa 2 telah ditangguhkan.

41. PR-000-L41435
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat mengawal kenaikan harga makanan yang semakin meningkat tanpa membebankan rakyat berikutan kenaikan harga bahan bakar sejak tahun 2008 dan kini beransur stabil. Adakah Kerajaan boleh menyeragamkan harga barang makanan di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak

42. PR-000-L42574
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan satu pelan transformasi terhadap bidang agama sebagaimana yang dilakukan terhadap bidang ekonomi (ETP) dan Kerajaan (GTP), bagi mengangkat status Islam sebagai agama Persekutuan agar pembangunan masa depan Islam adalah lebih terancang dan bersepadu.

43. PR-000-L41969
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan konsep creative enforcement atau penguatkuasaan kreatif dalam mensasarkan penurunan kes kemalangan di seluruh negara terutamanya kemalangan maut dan apakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan melalui konsep *"creative enforcement"* ini dari masa ke semasa dan bukan hanya dikuatkuasakan semasa musim perayaan.

44. PR-000-L43027
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah benar hospital-hospital Kerajaan mengalami kekurangan jururawat yang kritikal kerana banyak yang berhijrah ke hospital swasta atau ke luar negara serta berapa peratus dari bilangan jururawat yang telah meletak jawatan untuk berhijrah setiap tahun sejak 10 tahun yang lalu.

45. PR-000-L42991
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah pengisian jawatan Pengetua di sekolah-sekolah menengah berasaskan prinsip 'back to back' tidak dilaksanakan sehingga mengganggu pengurusan dan pembelajaran di sekolah-sekolah berkenaan.

46. PR-000-L42097
Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan maksud Luar Bandar serta kawasan-kawasan yang menerima bantuan Kementerian dan bentuk bantuan yang diperolehi oleh rakyat yang menetap di kawasan perladangan milik syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan.

47. PR-000-L42924
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelaskan apakah 'TERAJU' yang berfungsi sebagai sekretariat kepada Majlis Tindakan Agenda Ekonomi Bumiputera mempunyai kuasa dan modus operandi sama taraf dengan 'PEMANDU'.

48. PR-000-L41898
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sasaran pencapaian dan hasil oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang ditubuhkan di bawah Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) dalam lima bidang keutamaannya serta nyatakan impak penubuhan TERAJU dalam memperkukuhkan ekonomi Bumiputera.

49. PR-000-L42964
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sasaran yang diletakkan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi meningkatkan penguatkuasaan ekuiti golongan Bumiputera dalam negara yang kini menjangkau 18 peratus sahaja.

50. PR-000-L41483
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi kos sebanyak RM36 bilion untuk sistem MRT.

51. PR-000-L41652
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk memastikan teksi-teksi menggunakan sistem meter dan kupon.

52. PR-000-L41290
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah yang bertanggungjawab sama ada Ketua Menteri Pulau Pinang yang terdahulu ataupun UDA di atas kerugian sebanyak RM 30 juta yang dialami Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang melalui projek *joint venture* untuk membangunkan Pulau Jerejak dan apakah tindakan siasatan yang diambil oleh pihak berkuasa.

53. PR-000-L42354
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan tahun 2010 mengikut pecahan negeri dan faktor dorongan dan jumlah insentif yang diberikan. Nyatakan sasaran untuk 2011 mengikut pecahan negeri dan berapa banyakkah peruntukan yang akan dibelanjakan dan sektor mana yang akan ditumpukan.

54. PR-000-L42486
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) selain mengadakan forum seminar, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menguatkuasakan keputusan Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan mengenai sambutan Hari Valentine; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang mengeluarkan larangan terhadap sambutan Hari Valentine secara terbuka ditempat awam, termasuk konsert dan lain-lain, ke atas umat Islam dan melarang media massa utama daripada membesar-besarkan dan mewar-warkan sambutan ini.

55. PR-000-L42274
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah pertukaran tempat pengundi dan pemilih baru dalam kategori undi pos bagi tahun 2009 dan 2010 mengikut kawasan Parlimen; dan

(b) berapakah jumlah pertukaran tempat pengundi dan pemilihan baru bagi kategori ahli keluarga tentera dan polis bagi tahun 2009 dan 2010 mengikut kawasan Parlimen.

56. PR-000-L42450
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit buah pinggang di daerah Manjung dan jumlah di seluruh negara dengan pecahan mengikut setiap negeri. Adakah kes penyakit buah pinggang lebih tinggi di kawasan Pantai Remis dalam daerah Manjung dan kenapa.

57. PR-000-L41653
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah peruntukan garis panduan SIRIM MS 1331 *("Code of Practice for Access of Disabled Persons Outside Buildings")* (1993) akan digabungkan ke dalam Arahan Teknik JKR.

58. PR-000-L42820
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes-kes saman di mahkamah oleh peneroka terhadap FELDA dan keputusan mahkamah serta implikasi kewangannya kepada FELDA.

59. PR-000-L42251
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perangkaan kes rasuah polis pada tahun 2010 sehingga Februari 2011 mengikut kategori, kes gangguan seksual yang dilakukan oleh Polis mengikut jantina dan tindakan yang telah diambil terhadap anggota polis daripada kejadian tersebut.

60. PR-000-L42867
Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kedudukan Projek Pendaratan Ikan Tuna di Batu Maung.

61. PR-000-L42774
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah pampasan yang dibayar oleh kerajaan atau imbuhan lain yang ditawarkan kepada semua syarikat konsesi lebuh raya termasuk PLUS kesan daripada keputusan kerajaan tidak menaikkan kadar tol untuk 5 tahun akan datang.

62. PR-000-L42432
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

(a) langkah-langkah untuk memastikan projek pembangunan tidak menjejas dan mencemarkan kejernihan sungai; dan

(b) langkah-langkah untuk memberatkan hukuman kepada kontraktor yang mencemarkan sungai khasnya di Sungai Melayu, Gelang Patah.

63. PR-000-L41596
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jangkaan pihak IMR terhadap bilangan nyamuk Aedes GM yang harus dilepaskan di bandar sebesar Sg Siput untuk mengurangkan bilangan Aedes di bandar itu. Berapa kalikah pelepasan nyamuk GM harus diulangi dalam setahun untuk terus mengawal bilangan nyamuk Aedes di bandar itu.

64. PR-000-L42379
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) jumlah kerugian yang ditanggung mengikut negeri akibat banjir pada hujung 2010 dan awal 2011 di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor; dan

(b) jumlah rakyat terlibat yang dipindahkan semasa banjir di negeri-negeri berkenaan.

65. PR-000-L42792
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Bajet Peka Gender *(GRB-Gender Responsive Budget)* akan dilaksanakan di Malaysia dalam ertikata yang sebenar.

66. PR-000-L42293
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasionalnya bayaran bantahan RM10.00 satu daftar pemilih SPR yang diterima bantahannya serta jumlah terkumpul wang tersebut semenjak ia terlaksana dan nyatakan status penggunaan Dakwat Kekal dalam Pilihan Raya Umum ke-13 oleh SPR.

67. PR-000-L41445
Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan punca buku teks Bahasa Inggeris Tahun Satu yang mengandungi banyak kesalahan tatabahasa, kosa kata dan struktur ayat dan nyatakan langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

68. PR-000-L41907
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos yang sebenarnya untuk MRR2, Kepong, tarikh dan bilangan kerja dan kos memperbaiki keretakan tiang dan syarikat yang menanggung kos ini. Apakah yang sebenarnya punca keretakan tiang-tiang jejambat ini.

69. PR-000-L43016
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh rakyat bagi "Program Transformasi Ekonomi" dan dari manakah dana ini diperolehi serta adakah ia akan dibentangkan di Parlimen bagi memastikan ketelusan dalam perbelanjaan.

70. PR-000-L41287
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah Kerajaan Barisan Nasional enggan menarik balik penggunaan novel Interlok dalam subjek Komponen Sastera, Bahasa Melayu Tingkatan 5, walaupun ia ditentang hebat oleh masyarakat India di Malaysia kerana menghina masyarakat India.

71. PR-000-L41397
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah kemajuan projek tambak menambak tebing Sungai Golok daripada Pekan Rantau Panjang ke Pengkalan Kubur bagi tujuan pencegahan banjir. Berapakah peruntukan yang telah dibelanja dan berapakah peruntukan yang diperlukan.

72. PR-000-L41991
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah yang telah diambil ke atas kenyataan mengkritik Malaysia yang dikeluarkan oleh Mallot, bekas duta Amerika Syarikat baru-baru ini.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Belia dan Sukan**

* Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011

---

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] dan masalah dicadangkan :-**

" Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

" Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (10 Mac, 2011)

2.	(D.R. 47/2010)	Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010 **[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
3.	(D.R. 43/2010)	Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010 **[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]**	**"**
4.	(D.R. 34/2010)	Rang Undang-undang Juruanalisis Makanan 2010 **[Kementerian Kesihatan]**	**"**
5.	(D.R. 38/2010)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2010 **[Kementerian Pengangkutan]**	**"**
6.	(D.R. 39/2010)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010 **[Kementerian Pengangkutan]**	**"**

7.	(D.R. 42/2010)	Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010 **[Perdana Menteri]**	“
8.	(D.R. 44/2010)	Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010 **[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]**	“
9.	(D.R. 46/2010)	Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 **[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	“
10.	(D.R. 30/2010)	Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 **[Kementerian Kewangan]**	“
11.	(D.R. 48/2010)	Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2010 **[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	“
12.	(D.R. 45/2010)	Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010 **[Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar]**	“
13.	(D.R. 2/2011)	Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011 **[Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri]**	“
14.	(D.R. 1/2011)	Rang Undang-undang Veteran 2011 **[Kementerian Pertahanan]**	“
15.	(D.R. 37/2009)	Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 **[Kementerian Kewangan]**	“

16. PR-000-U41523
Menteri Kewangan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan melalui Menteri Kewangan (Pemerbadanan) membuat pelaburan dengan memperoleh sejumlah 10,000,000 unit saham biasa Danalnfra Nasional Berhad, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Pemerbadanan) pada nilai RM1 bagi satu unit saham."

17. PR-000-U41312
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara kita sering dilanda bencana banjir kilat yang bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada rakyat dan negara, malah terdapat juga kehilangan nyawa. Dan mengambil maklum bahawa sebahagian besar punca berlakunya bencana banjir kilat ini disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, di mana sungai-sungai, saliran-saliran dan kolam-kolam takungan air telah menjadi cetek disebabkan oleh mendapan lumpur dan pasir.Dan mengambil maklum juga bahawa mendapan lumpur dan pasir-pasir di tempat-tempat yang disebutkan tadi adalah disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, misalnya penimbusan tanah secara terbuka, pembangunan tidak terancang, pembukaan ladang-ladang dan lain-lain lagi aktiviti pembangunan. Dan mengambil maklum bahawa dalam banyak kes, laporan kesan alam sekitar (EIA) tidak disediakan langsung atau tidak dipatuhi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian yang berkaitan untuk meminda mana-mana akta yang perlu bagi menguatkuasakan peraturan sedia ada atau peraturan baru bagi mengatasi masalah yang mendatangkan kerugian besar kepada negara dan rakyat ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

18. PR-000-U41326
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah perkuburan yang tidak terurus atau dikendalikan dengan baik, di mana ianya tidak disusun dengan rapi yang menyebabkan banyak kawasan kubur yang tidak dapat digunapakai. Dan mengambil maklum bahawa kos penyelenggaraan dan pemuliharaan tanah perkuburan kian meningkat, banyak tanah perkuburan yang terbiar dan menjadi seperti kawasan belukar.

Dan mengambil maklum juga bahawa kebanyakan tanah perkuburan tidak dijaga ataupun diselia dengan baik kecuali sesetengah tanah perkuburan yang ditadbir oleh badan JKKK atau JK tanah perkuburan di kampung yang berkaitan. Dan mengambil maklum juga bahawa pada ketika ini belum ada mana-mana peraturan sedia ada yang memastikan satu-satu tanah perkuburan diselenggara atau dijaga dengan baik bagi memastikan ianya sentiasa bersih dan terpelihara. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu lembaga atau yayasan yang akan bertanggungjawab untuk menyelenggara dan menyelia tanah-tanah perkuburan di seluruh negara agar ianya sentiasa terpelihara sama ada dari segi kesihatan, kebersihan mahupun keindahan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

19. PR-000-U41335
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah tanah terbiar kian berleluasa. Dan mengambil maklum bahawa masalah bukan sahaja tidak mendatangkan sebarang hasil kepada pemilik tanah tersebut, malah ianya akan mendatangkan masalah lain seperti tempat pembiakan nyamuk aedes, ular, tikus dan sebagainya yang boleh mendatangkan berbagai jenis penyakit. Dan mengambil maklum juga bahawa perkara ini berlaku kerana beberapa sebab misalnya si pemilik tidak mampu untuk mengusahakan tanah tersebut , tanah tersebut terlalu kecil keluasannya, keluasan tanah yang tidak mencukupi bagi syarikat besar seperti FELCRA untuk mengusahakannya dan lain-lain sebab lagi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu akta atau peraturan di mana ianya akan dapat mendorong atau memastikan bahawa pemilik tanah-tanah terbiar tersebut untuk mengusahakannya. Di samping itu, menubuhkan satu koperasi bagi memajukan tanah-tanah tersebut dengan dana disumbangkan oleh syarikat swasta (di bawah Program CSR) dan Kerajaan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

20. PR-000-U41341
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah kebanyakan benteng sungai-sungai di pekan-pekan utama dibina dengan konkrit. Dan mengambil maklum bahawa sungai-sungai konkrit ini bukan sahaja tidak mesra alam, tumbuhan yang lazimnya tumbuh di tebing-tebing sungai juga tidak dapat tumbuh.

Dan mengambil maklum juga bahawa sungai-sungai konkrit ini juga tidak memberikan ruang bagi ikan-ikan di sungai untuk meletakkan telur mereka dan membiak, seperti mana lazimnya berlaku di sungai-sungai semulajadi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menambah mana-mana peraturan sedia ada, supaya benteng-benteng sungai dibina dengan menggunakan cerucuk kayu keras ataupun *"interlocking bricks"* bagi membolehkan rerumput tumbuh dan juga ikan-ikan bertelur dan membiak (sebagaimana yang dibina di bandar Sibu, Sarawak). Kaedah ini adalah lebih mesra alam di samping mengekalkan flora dan fauna serta kehidupan marin sungai tersebut."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

21. PR-000-U41523
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan faktor-faktor seperti inflasi, dasar yang tidak adil, keadaan hak asasi, kedudukan kekurangan kebebasan media yang menjejaskan kehidupan rakyat. Bahawa Dewan ini juga membincangkan apakah perbezaan di antara Malaysia berbanding dengan negara Mesir yang mengalami pemberontakan 'bunga melati' moden."

(Perdana Menteri)

22. PR-000-U41525
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan keperluan untuk mengkaji secara menyeluruh kekurangan kualiti sesetengah doktor di negara ini serta cara-cara untuk mengatasinya. Dewan ini juga membicarakan sebab-musabab Majlis Perubatan Malaysia tidak dapat mengawal dengan berkesan standard graduan perubatan lebih 3,500 orang setiap tahun."

(Menteri Kesihatan)

23. PR-000-U43074
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

24. PR-000-U43075
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

25. PR-000-U43076
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

26. PR-000-U43077
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

27. PR-000-U43078
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

28. PR-000-U41480
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan membincangkan mengenai perjanjian di antara pihak Petronas dangan Kerajaan negeri Sabah dan Persekutuan berkaitan cari gali minyak yang bukan sahaja mengandungi minyak mentah tetapi juga terdapat bahan-bahan lain seperti gas agar pihak-pihak yang berkenaan dapat menentukan dasar dan cara untuk meneliti dan mengkaji semula hasil galian tersebut demi untuk kebaikan bersama".

(Perdana Menteri)

29. PR-000-U41484
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan meluluskan supaya kakitangan Kerajaan yang ditugaskan oleh SPR semasa pilihan raya berlangsung dan mereka yang bertugas di luar kawasan pada ketika itu termasuklah anggota polis, tentera dan sebagainya yang membuang undi secara undi pos seharusnya mengundi dengan sebebas-bebasnya tanpa dipengaruhi atau diarah oleh mana-mana pihak. Para pengundi pos ini mesti dan haruslah membuang undi untuk calon dari kediaman asal atau alamat tetapnya dan bukan di kawasan di mana pengundi itu bertugas."

(Perdana Menteri)

30. PR-000-U41490
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini membincangkan dengan seriusnya mengenai kemuliaan rakyat negara kita sebagai Rakyat Malaysia dengan suku-suku kaum masing-masing dan bukan hanya dengan sebutan suku kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain yang jelas mengetepikan suku-suku kaum dari Sabah dan Sarawak. Keadaan tersebut merupakan satu penghinaan bagi kaum-kaum dari Sabah dan Sarawak yang dicatat sebagai 'lain-lain' dalam borang-borang pentadbiran Kerajaan yang perlu dicatat sejelas-jelasnya mengikut suku bangsa rakyat Malaysia yang telah wujud sekian lama di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

31. PR-000-U41436
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan mereka sendiri dalam Kerajaan Tempatan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

32. PR-000-U41440
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di negara Taiwan. Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi sendiri".

(Perdana Menteri)

33. PR-000-U41442
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kementerian Pelajaran menyemak dan menyusun semula sukatan pelajaran subjek Sejarah Malaysia bagi memasukkan input yang tertinggal supaya ia lebih komprehensif, terbuka dan menjadi menarik untuk dipelajari".

(Menteri Pelajaran)

34. PR-000-U42596
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya menubuhkan satu badan bebas bagi menjalankan kajian terperinci untuk mengenalpasti keperluan untuk membina sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang baru."

(Menteri Pelajaran)

35. PR-000-U42599
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus mengambil maklum bahawa Kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang bagi mensyaratkan semua wakil rakyat mengumumkan aset milikan/kekayaan peribadi secara terbuka".

(Perdana Menteri)

36. PR-000-U42601
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya mengambil ketetapan yang rasional dalam pemilihan jumlah golongan bukan melayu secara seimbang dalam sektor perkhidmatan awam."

(Perdana Menteri)

37. PR-000-U42289
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan mengembalikan hak kepada Negeri untuk melantik Pegawai Eksekutif *Ex-officio* yang memberi kuasa kepada Menteri Besar yang dipilih rakyat dan menghormati kedaulatan negeri. Jelasnya, pemindahan Perlembagaan pada Tahun 1983 terbukti adalah memusatkan kuasa kepada Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara untuk campur tangan dalam pentadbiran negeri."

(Perdana Menteri)

38. PR-000-U41589
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Suruhanjaya Pilihan Raya mencadangkan kepada Kerajaan agar:-a) mengurangkan umur minimum kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun;b) menjadikan pendaftaran untuk mengundi adalah satu perkara yang automatik; dan c) pengundi berdaftar adalah diwajibkan keluar mengundi."

(Perdana Menteri)

39. PR-000-U41590
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan agar satu mekanisma yang efektif dalam bentuk jangka masa pendek dalam menangani masalah banjir di negara ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

40. PR-000-U41591
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar Kerajaan dapat mengawal harga barangan asas seperti susu, gula dan tepung yang kerap naik harga tanpa mengambil kira kesannya terhadap rakyat yang rata-ratanya berpendapatan sederhana dan rendah."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

41. PR-000-U41592
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil perhatian secara serius di mana terdapat ramai golongan muda kini telah diisytiharkan muflis akibat dari penggunaan kad kredit yang tidak terkawal."

(Menteri Kewangan)

42. PR-000-U41594
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengarahkan Kerajaan untuk meminta semua penerima konsesi tol agar mengkaji semula kadar tol di negara ini bagi mengurangkan beban rakyat."

(Menteri Kerja Raya)

43. PR-000-U41597
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengadakan satu mata pelajaran tambahan di sekolah yang mengajar agama, dat istiadat, budaya serta cara hidup semua kaum di negara ini yang terdiri dari pebagai kaum bagi mengelakkan perkara yang berlaku baru-baru

ini di mana seorang pelatih beragama Sikh dipotong rambut panjangnya di Kem Pusat Khidmat Negara tidak berulang. Isu ini adalah pelanggaran hak asasi manusia dan hak beragama di Malaysia. Suruhan Siasatan Diraja harus ditubuhkan untuk menyiasat pekara ini. Jikalau orang ramai mengenali agama, adat istiadat, budaya serta cara hidup kaum lain, pekara seumpama ini tidak akan berlaku dan isu perkauman juga dapat dihindari."

(Menterian Pelajaran)

44. PR-000-U41600
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi lebih banyak peluang kepada masyarakat miskin tanpa mengira agama dan bangsa serta orang yang kurang upaya menjawat jawatan di sektor awam."

(Perdana Menteri)

45. PR-000-U41606
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan *Wifi* di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat menggunakan internet bagi menambah pengetahuan mereka dan ini dapat menggalakkan semua lapisan masyarakat menggunakan internet."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

46. PR-000-U41609
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mendesak pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk menyedia lebih banyak perkhidmatan membekalkan gas bagi menggalakkan lebih ramai orang menggunakan gas bagi kenderaan mereka yang mana ini dapat mengurangkan pencemaran udara."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

47. PR-000-U41611
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan menggubal undang-undang agar anak-anak dihadapkan ke mahkamah sekiranya mereka mengabaikan ibu bapa mereka yang sudah tua."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

48. PR-000-U42038
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene yang telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara".

(Menteri Pertahanan)

49. PR-000-U42040
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong bahawa Perdana Menteri untuk menjelaskan kekeliruan yang disebabkan atas jawapan beliau tentang perbelanjaan Isteri Perdana Menteri pada Dewan yang lepas iaitu pada November 2010 yang tidak dipadani dengan kewujudan "First Lady of Malaysia Division" seperti yang ditunjukkan oleh direktori laman web Jabatan Perdana Menteri."

(Perdana Menteri)

50. PR-000-U42020
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Arab Saudi, Majlis Keselamatan Negara,

Angkatan Tentera Malaysia dan pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan "Ops Piramid" untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang terperangkap dalam pergolakan berdarah di bumi Mesir".

(Menteri Luar Negeri)

51. PR-000-U42023
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri supaya keanggotaan Panel Perunding dan Pencegah Rasuah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dikaji semula bagi mengelakkan sebarang tindakan anggota panel yang mencatatkan imej SPRM dan Kerajaan."

(Perdana Menteri)

52. PR-000-U42025
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YAB Perdana Menteri mengkaji semula pengurusan dana dan bentuk pelaburan Lembaga Tabung Haji Malaysia. Dewan ini sedar tentang wujudnya kerisauan di kalangan umat Islam tentang penglibatan Lembaga Tabung Haji dalam pelaburan berisiko tinggi di dalam dan luar negara".

(Perdana Menteri)

53. PR-000-U42028
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Dalam Negeri dan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil langkah-langkah perlu untuk membersihkan bandaraya-bandaraya kita daripada sindiket "pengemis dan peminta derma" yang memperalatkan kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya dan pendatang asing. Dewan sedar bahawa tindakan 'pengemis dan peminta derma' ini menjejaskan imej negara dan menimbulkan persepsi negatif terhadap Kerajaan dan rakyat, selain masalah keselamatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

54. PR-000-U42030
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Kewangan memansuhkan pendekatan penghapusan subsidi secara total dalam kerangka Model Baru Ekonomi (NEM). Dewan mengambil iktibar bahawa tindakan drastik penghapusan subsidi akan menggugat kestabilan sosial dan mungkin mengancam keselamatan negara seperti yang pernah berlaku di beberapa negara jiran, termasuk Indonesia pada lewat tahun 90an dan situasi terkini di negara Mesir."

(Menteri Kewangan)

55. PR-000-U42273
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agong Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Dalam Negeri)

56. PR-000-U42275
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketatapan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

57. PR-000-U42278
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendesak mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalahgunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

(Perdana Menteri)

58. PR-000-U42196
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuh raya Malaysia."

(Perdana Menteri)

59. PR-000-U42197
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan pindaan 2010 dikuat kuasakan."

(Menteri Dalam Negeri

60. PR-000-U42199
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

(Perdana Menteri)

61. PR-000-U42201
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan imbuhan perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

(Perdana Menteri)

62. PR-000-U42203
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 20 peratus."

(Perdana Menteri)

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (DEWAN RAKYAT)

TAHUN 2011	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
ST.2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan Malaysia Bagi Tahun 2009	14 Mac 2011
ST.4	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia Bagi Tahun 2009	14 Mac 2011